

31 JAN 1998
MTUC-Insurans
MTUC SYOR TUBUH SKIM INSURANS PENGANGGUR

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Satu Tabung Skim Insurans Penganggur perlu ditubuhkan bagi melindungi kepentingan pekerja yang terjejas kerana pembuangan pekerja, kata presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Zainal Rampak.

MTUC akan mencadangkan majikan menyumbang RM1 bagi setiap pekerja sebulan untuk tabung itu dan pengendaliannya boleh diletakkan di bawah tanggungjawab Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

"Dianggarkan lebih tiga juta pekerja dilindungi di bawah Perkeso. MTUC akan usulkan tabung ini sebagai satu pindaan dalam Akta Perkeso...kita perlu sediakan payung sebelum hujan," katanya di sini, hari ini.

Zainal berkata hampir RM40 juta dapat dikumpulkan setahun dan boleh menampung pembayaran kepada pekerja-pekerja yang terlibat dalam syarikat-syarikat yang muflis atau ditutup tanpa memberi notis.

"RM1 bukanlah satu jumlah yang besar kepada majikan. Bayaran ini boleh disimpan dalam Perkeso dan sekaligus memperkukuhkan Perkeso...ia tidak perlu dilabur dalam syarikat insurans lain kerana ia hanya memperkayakan mereka," katanya.

Cadangan penubuhan tabung itu akan dikemukakan pada mesyuarat Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) dan bentuk atau jumlah bayaran kepada pekerja yang terlibat boleh ditentukan oleh NLAC.

Zainal berkata oleh kerana cadangan itu hanya meliputi penyumbang Perkeso, pekerja-pekerja yang syarikat mereka tidak dilindungi di bawah Perkeso boleh memaklumkan kepada pertubuhan itu yang sekaligus boleh meningkatkan keanggotaannya.

"Prospek bayaran melalui tabung ini akan mengurangkan bebanan pekerja. Mereka tidak akan terasa sangat kehilangan kerja," kata beliau.

Beliau berkata MTUC menyambut baik keperihatinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang terhadap isu pembuangan pekerja.

Dr Mahathir menyatakan semalam bahawa kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap majikan yang membuang pekerja mereka sewenang-wenangnya tanpa memberi notis terlebih dahulu.

Zainal yang dua hari lepas mencadangkan agar denda terhadap majikan yang membuang pekerja tanpa memberi notis dinaikkan dari RM2,000 kepada RM50,000, meminta dikenakan hukuman penjara dua tahun selain didenda.

"Denda atau penjara bukan merupakan satu hukuman tetapi sebagai peringatan kepada majikan terhadap tanggungjawab sosial kepada pekerja, negara serta keluarga mereka," kata beliau.

Zainal berkata walaupun jumlah pembuangan pekerja tidak begitu besar berbanding negara lain, MTUC merasakan ia harus dibendung sekarang agar penyakit ini tidak merebak dan majikan tidak bermaharajalela. -- BERNAMA

AR PR